

Teras Akidah Islam Dalam Dinamika Jati Diri Keluarga Muslim daripada Kitab *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli* karya Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd

The Elementary of Faith in Dinamic Identity of A Muslim Family from the book of Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli by Muḥammad Nur ‘Abd. Ḥāfīz Suwayd

Siti Noor Farahin M. Fariddudin^{*,*}, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
**Corresponding author: s2101859@siswa.um.edu.my*

Article history

Received: 2021-07-15

Received in revised form: 2022-02-15

Accepted: 2022-09-14

Published online: 2022-10-31

Abstract

The ability of Islam in building the civilization has been proven throughout the history. Islam has transformed and revolutionized the culture of men by encompassing on faith, doing-behaviour, and moral elements. These elements also preserves the identity, culture and the way of life of Muslim communities. The refreshment of Islamic principle is needed now to enhance the dynamic identity of Muslim family. To ensure it is successful, it requires the early children’s education as mentioned by Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd, one of the islamic education scholar in his book, *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli*. The aspects of faith, doing-behaviour and morals are the main elements of his book in order to produce a generation embracing the islamic values by cultivating them early in the children’s education. However, this study focus on the faith element without denying the importance of doing-behaviour and moral elements as the effort to build the dynamic identity of Muslim family. This study presents textual methods and content analysis as the main methods of data collection by using the inductive and deductive methods for data analysis. As a result, the element of faith in a Muslim family can be built on several foundations as proposed by Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd and can be adapted by parents nowadays to strengthen their children’s identity in the family.

Keywords: faith element, children education, identity, Muslim family.

Abstrak

Kemampuan Islam membina tamadun Umat telah terbukti dalam sejarah. Islam telah mentransformasi dan merevolusikan budayanya bersendikan teras akidah, syariah dan akhlak. Elemen ini turut melatari pembentukan jati diri, budaya dan cara hidup masyarakat Muslim. Penyegaran semula penghayatan sendi Islam ini untuk menyoroti kembali dinamika keluarga Muslim amat diperlukan waktu kini. Bagi memastikannya berjaya, ia memerlukan didikan daripada kecil lagi sebagaimana yang ditegaskan oleh Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd salah seorang tokoh bidang pendidikan anak-anak dalam karya beliau; *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli*. Aspek akidah, syariah dan akhlak merupakan teras utama yang dirinci dalam karya beliau dalam usaha melahirkan generasi rabbani dalam suasana persekitaran Islam yang ditekankan dalam aspek pendidikan anak-anak. Namun begitu, penulisan ini cuba menggilap dan merenangi dahulu teras akidah tanpa menafikan kepentingan teras syariah dan akhlak dalam karya beliau dalam usaha melestarikan akidah sebagai sendi utama pembentukan jati diri Muslim yang teguh pada prinsip Islam. Penelitian ini mengetengahkan metode kajian teks dan analisis kandungan sebagai metode utama pengumpulan datanya dan metode induktif dan deduktif bagi penganalisisan data. Hasilnya, teras akidah dalam sebuah keluarga Muslim dapat dibina atas beberapa asas yang dicadangkan oleh Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd dan boleh disesuaikan dengan gaya pendidikan anak oleh ibu bapa kini dalam membina jati diri anak dalam sebuah keluarga.

Keywords: teras akidah, pendidikan anak-anak, jati diri, keluarga Muslim.

1.0 PENDAHULUAN

Institusi kekeluargaan Islam yang berteraskan elemen akidah sebagai nadi utama kehidupan, disulami syariah sebagai teras pelaksanaan dan akhlak sebagai hasil kedua-dua teras tersebut, meletakkan sebuah institusi keluarga yang utuh dan berupaya menatijahkan masyarakat Muslim berwibawa. Bahkan institusi keluarga ini yang mewarnai fabrik masyarakat dalam sebuah negara maju yang seimbang. Asasnya, keharmonian masyarakat dan negara bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berasaskan hubungan harmoni bersulamkan mawaddah dan rahmah dalam sesebuah keluarga.

Sehubungan itu, teras akidah perlu difahami dan diaplikasikan dalam sesebuah keluarga Muslim untuk menatijahkan kebahagiaan dan keharmonian masyarakat dan negara. Pemeraksanaan akidah dalam kalangan keluarga perlu dimulakan dari hari pertama kelahiran seorang anak sehingga anak itu benar-benar memahami dan menghayati teras akidah yang menonjolkan dinamika jati diri Muslim, Mukmin dan Muhsin.

Perihal ini yang ditekankan oleh Muhamad Nur Hafiz Suwayd salah seorang tokoh bidang pendidikan anak-anak dalam karya beliau; *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli*. Peringkat pertumbuhan anak yang dikhususkan dalam kajian ini seperti yang difokuskan dalam kitab Muḥammad Suwayd ialah dari fasa kelahiran sehingga fasa baligh.

2.0 BIOGRAFI RINGKAS PENULIS KITAB *MANHAJ AL-TARBIAH AL-NABAWIYYAH LI AL-ṬIFLI*

Nama lengkap pengarang kitab *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah Li al-Ṭifli*, Muḥammad Nūr ‘Abd. Ḥafiz Suwayd ialah Khālīd bin Abd. Al-Raḥmān. Beliau dilahirkan di Damsyik pada 1362 H/1943 M. Beliau merupakan seorang yang suci hatinya dan bersifat tawaduk, alim, ahli ibadah dan pengarang kitab yang memberi panduan dalam merungkaikan pelbagai permasalahan kehidupan merangkumi aspek pendidikan.

Semasa berusia tujuh tahun, beliau dihantar oleh kedua ibu bapanya ke Madrasah Ibtidaiyah Fathul Islami, di madrasah ini beliau dibimbing dan diajarkan oleh guru-guru yang profesional sehingga ketika masih muda beliau sudah memiliki pelbagai kemahiran dan kemampuan. Beliau mendalami ilmu daripada ulama Syam dan di antaranya; seorang ahli fatwa terkemuka iaitu Dr. Syaikh Muḥammad Abū Yusrā ‘Abidin dan Syaikh Hussein Khaṭṭob. Beliau turut berguru dengan Mohammad Abū Yāsir ‘Ābidīn untuk mendalami ilmu Fiqh Hanafi, Fiqh Syafie, Hadis dan sejarahnya. Muḥammad Suwayd mengikuti jejak belajar dan mengajar daripada ahli Hadis; Syaikh Muḥammad Nāsiruddīn Al-Bāni dan seorang ahli pendidikan iaitu Syaikh Khalid Bin Abdurrahman Al-Akk. Setiap hari beliau mempunyai kegiatan belajar dan mengajar di Madrasah Thanawiyah Al-Syar’iyyah sehingga tahun 1970 M. Beliau turut bertugas sebagai guru dan pemimpin dakwah di beberapa buah kampus sekitar Damsyik. Muḥammad Suwayd turut bekerja sebagai konsultan jurutera di Kuwait.

Muḥammad Suwayd meninggal dunia pada hari Jumaat tahun 1420 H/1999M di bandar kelahirannya Damsyik. Antara karya Muḥammad Suwayd berkaitan pendidikan ialah *Maktabah al-Ushrah al-Muslimin*, *Adab al-Hayab al-Zanjyyah*, *Al-Muḥarramat ‘ala al-Muslimah*, *Bina’ al-Ushrah al-Muslimah*, *Tarbiyah al-abna’ wa al-Banat*, *Shakhsyyah al-Mar’ah al-Muslimah*, *Wajibah al-Mar’ah al-Muslimah* dan *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli*. (Hidayah 2021).

Pengalaman Muḥammad Suwayd dalam bidang pendidikan ini telah dikongsi bersama dalam bentuk penulisan yang memberi panduan bermanfaat dalam melahirkan generasi mampan dalam segala aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi dan lebih khusus dalam kitab *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah Li al-Ṭifli*.

3.0 METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tekstual dan analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data dijalankan bersumberkan sebuah karya Muḥammad Nur Abdul Hafiz Suwayd iaitu kitab *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifli*. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Pendekatan induktif bermula daripada spesifik kepada umum, iaitu dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh dan menuju ke arah sesuatu generalisasi. Manakala pendekatan deduktif adalah daripada sesuatu yang bersifat umum kepada yang lebih khusus.

Kajian ini menggunakan pendekatan induktif dengan mengemukakan contoh daripada hadis nabawi dan praktikal para sahabat, tabiin dan salaf al-soleh yang mempunyai prinsip yang sama sebelum dirangkum di bawah satu bab. Sebagai contoh, galakan Nabi saw kepada ibu bapa agar menanamkan kecintaan kepada Allah, kepada Nabi saw dan para keluarga Baginda serta mengajarkan al-Quran dikumpulkan di bawah satu dimensi iaitu pembinaan akidah. Pendekatan deduktif yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah pengkaji membincangkan satu dimensi yang dinyatakan dan dibawakan contoh-contoh yang berkaitan dengan dimensi tersebut. Sebagai contoh, di bawah rumpun dimensi pembinaan akidah, beberapa asas pembinaan akidah dikupas berorientasikan sumber nabawi.

Hasil analisis mendapati terdapat lima asas pembinaan elemen akidah yang dinyatakan oleh Muḥammad Suwayd dalam kitabnya yang diambil khusus daripada hadis-hadis nabawi dan sorotan kisah para sahabat serta disokong oleh pandangan para ulama.

4.0 ASAS PEMBINAAN AKIDAH DALAM KITAB MANHAJ AL-TARBIAH AL-NABAWIYYAH LI AL-ṬIFLI

Menerapkan akidah Islam yang kukuh dan mantap dalam diri setiap anggota keluarga merupakan perkara penting kerana ia adalah asas utama dalam pembentukan keluarga bahagia yang mampu menjamin keamanan, kebahagiaan, dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Dimaklumi umum bahawa Islam merupakan agama yang mementingkan hubungan kasih sayang. Kasih sayang ialah fitrah semula jadi yang Allah pasakkan dalam naluri setiap insan. Sifat kasih sayang amat penting dalam pembinaan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni. Dasar sifat kasih sayang ini memangkinkan para ibu bapa menegaskan aspek akidah sebagai teras utama pembentukan dinamika jati diri keluarga untuk memastikan setiap ahli keluarga mendapat jaminan kebahagiaan dunia dan akhirat. Keutuhan dan kekuatan hubungan sebuah keluarga bergantung kepada pasak akidah dalam setiap diri anggota keluarga dan ikatan kasih sayang di antara ibu bapa, anak-anak dan ahli keluarga yang lain.

Sesebuah institusi keluarga mestilah dibentuk berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dan dibina atas dasar takwa kepada Allah. Ibu bapa bertanggungjawab memastikan akidah, syariah dan akhlak ahli keluarga tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Ibu bapa bertanggungjawab membimbing, menasihati dan prihatin terhadap anak-anak sejak kecil agar akidah mereka tetap teguh dan lurus. Firman Allah dalam surah Luqman ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi pengajaran kepadanya: “Wahai anakku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu ialah satu kezaliman yang besar”.

Tugas dan tanggungjawab dalam membimbing keluarga bukanlah untuk sehari dua sahaja, bahkan ia perlu berterusan sehingga ke akhir hayat. Oleh itu, kejayaan ibu bapa dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni bercirikan ajaran Islam merupakan cerminan anak-anak apabila mereka membina keluarga kelak yang seterusnya membudayakan pendidikan yang mementingkan akidah, syariah dan akhlak sehingga berkemampuan membentuk masyarakat, bangsa dan negara yang cemerlang dan gemilang.

Secara fitrah, setiap hamba itu mengakui keesaan Allah semenjak kewujudan mereka di alam rahim seperti yang dipaparkan dalam surah al-A'raf ayat 172,

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Tuhan-mu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari tulang sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku ini Tuhanmu?” Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) ialah orang-orang yang lalai terhadap ini (keesaan Tuhan)”.

Keluarga adalah agen sosialisasi utama dalam mendidik dan mengajar agar seseorang anak itu menjadi anggota masyarakat yang baik dan mulia bermula dari hari kelahiran seseorang bayi itu telah mulai mendengar suara azan dan iqamat sebagai didikan roh Islam dalam jiwa anak yang masih mentah sehinggalah anak-anak itu meniti alam kedewasaan yang dipenuhi dengan didikan dan ajaran Islam yang meliputi aspek syahadah, rukun Islam, rukun iman, aspek hukum-hakam, aspek ibadah, muamalat dan aspek bersosial berteraskan jalur dan prinsip ajaran Islam.

Teras akidah ini turut dikupas oleh Muhammad Suwayd dalam karya beliau; *Kitab Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah Li al-Tifl* dalam fasal yang kelima, bab pembinaan akidah, halaman 207-249 adalah berdasarkan lima (5) asas utama iaitu:

Asas pertama: Mentalkinkan kalimah tauhid kepada anak.

Asas kedua: Mencintai Allah dan merasa diawasi oleh-Nya, memohon pertolongan-Nya serta beriman kepada Qada dan Qadar.

Asas ketiga: Menanamkan kecintaan terhadap Nabi SAW dan ahli bait yang suci serta para sahabat yang mulia.

Asas keempat: Mengajarkan al-Quran kepada anak.

Asas kelima: Menanamkan akidah yang kuat dan kerelaan berkorban demi akidah.

4.1 Asas Pertama: Mentalkinkan Kalimah Tauhid kepada Anak.

Kaedah mentalkinkan anak ialah budaya yang semakin pudar ditelan zaman. Ibu bapa kini lebih gemar menghidangkan muzik sebagai halwa telinga anak. Adalah lebih indah jika budaya mendodoikan anak dengan alunan zikrullah dan bacaan al-Quran dilazimkan kepada anak sebagai hiburan yang mampu meninggalkan kesan mendalam dalam diri mereka.

Al-Baihaqi meriwayatkan hadith daripada Ibn ‘Abbās bahawa Rasulullah SAW bersabda:

افْتَحُوا عَلَي صِبْيَانِكُمْ أَوْلَ كَلِمَةٍ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَقِّنُوهُمْ عِنْدَ الْمَوْتِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Mulakanlah mengajar kalimat *Lā ilāha illā Allāh* kepada anak-anak kalian, dan talkinkanlah mereka *Lā ilāha illā Allāh* ketika menemui mati.

(Hadith Gharib riwayat al-Ḥākim, Abū ‘Abd. Allāh al-Ḥākim Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥamduwiyah bin Nu‘aim bin al-Ḥākim al-Dhabi al-Tuhmānī dalam *Al-Mustadrak ‘ala al-Ṣaḥīḥayn*, [Kitāb Syu‘ab al-Īmān, Bāb Ḥuquq al-Awlad wa Ahlīn, no. hadith: 8282], ed. Mustafā ‘Abd. Al-Qādir ‘Atā, (Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 2010)).

Muḥammad Suwayd menyarankan agar ibu bapa sentiasa menyandarkan segala tindakan dan urusan di dunia kepada al-Quran dan Hadis terutamanya untuk mengukuhkan keimanan anak-anak, senada dengan hadis tersebut. Penekanan kalimah tauhid ini perlu sentiasa disemai dan diulang-ulang dan didengari anak-anak sejak usia kelahiran lagi. Kalimah azan dan iqamat amat penting didengarkan kepada anak yang baru lahir kerana ia mengandungi kalimah Tauhid dan kalimah yang mengagungkan Allah. Pengenalan utama berkaitan akidah kepada anak yang baru lahir dan seterusnya dicorakkan dengan didikan Islam.

Selanjutnya, Muḥammad Suwayd turut memberi penekanan bahawa ketika anak-anak itu sudah mampu berfikir, kenalkan mereka hukum halal dan haram, bersesuaian dengan apa yang telah disampaikan oleh Ibn Jarir dan Ibn Munzir daripada hadis Ibn ‘Abbās RA, Rasulullah bersabda, “Bekerjalah kamu dengan taat kepada Allah dan jauhilah hidup kamu daripada melakukan maksiat kepada Allah. Hendaklah kamu mengajar anakmu sejak kecil untuk mentaati perintah Allah, larangnya daripada melihat perkara-perkara yang tidak baik. Apabila kamu telah melakukan sedemikian, kamu sedang menjaga diri kamu dan dirinya daripada dihumban ke dalam neraka.”

Pandangan Muḥammad Suwayd ini turut ditegaskan oleh Ibn Qayyim dalam kitabnya *Tubfah al-Maudūd bi Ahkām al-Mawlūd*, menjelaskan bahawa anak yang sudah pandai bercakap sewajarnya diterapkan kepada mereka kalimat “*Lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūlullāh*”. Jadikanlah perkara pertama yang didengari oleh anak berupa pengetahuan tentang keesaan Allah. Pengulangan kalimah tauhid “*Lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūlullāh*” secara tidak langsung mencetuskan rasa kecintaan kepada Allah dan Rasul-Nya dan seterusnya memenuhi ruang jiwa dan minda anak-anak melalui didikan soleh.

Pandangan Muḥammad Suwayd ini juga seiring dengan perspektif ‘Abd. Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān dalam kitabnya *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islām* yang menekankan didikan keimanan kepada anak-anak perlu dimulai dengan pemahaman rukun Iman dan rukun Islam (Setiawati, 2018). Pengetahuan, pemahaman dan penjiwaan iman dan Islam menatijahkan akhlak yang mulia dalam perkembangan anak-anak. Hati dan jiwa anak-anak yang suci bersih terdidik dengan sifat-sifat pemurah, adil, benar, sabar, pemaaf, pengasih dan penyayang, zuhud dan tawaduk. Semuanya ini membentuk iman anak-anak yang memahami maksud syahadah yang memperakui kewujudan Allah sebagai *Rabb* dan *Ilāh* dan penafian terhadap selain-Nya serta mengakui bahawa Nabi Muḥammad SAW sebagai pesuruh-Nya.

4.2 Asas Kedua: Menyemai Rasa Mencintai Allah SWT dan Memohon Pertolongan-Nya dan Merasa Diawasi Oleh-Nya serta Beriman kepada Qada dan Qadar.

Susunan dan gabung jalin asas kedua yang diungkapkan oleh Muḥammad Suwayd ini memmanifestasikan pemahaman dan penjiwaan iman anak-anak. Perkara ini turut merangkumi aspek reda dan tawakal yang berbeza maksud. Reda merujuk kepada kegembiraan seseorang yang diuji Allah dan memahami bahawa itu berlakunya qada di bawah perjalanan hukum Allah. Manakala tawakal pula ialah, pergantungan seorang hamba kepada Allah, dan pengembalian hamba tersebut kepada Allah. Rasa reda ini benar-benar lahir daripada hati yang yakin kepada Allah Yang Maha Esa.

Tuntasnya, seorang hamba Allah itu wajar menerima segala ketentuan Allah dengan berlapang dada kerana yakin bahawa Allah lebih mengetahui segala yang tersirat mahupun yang tersurat, bahkan Dia lebih mengetahui segala gerak geri, serta denyut nadi hamba-Nya. Allah lebih mengetahui apa yang terbaik buat hamba-Nya, dan tidaklah Allah mentakdirkan sesuatu, melainkan yang terbaik buat hamba-Nya. Dalam memahami persoalan ini, adalah sebaiknya kita mendalami maksud daripada surah al-Baqarah ayat 216 yang bermaksud,

“Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu dan boleh jadi juga kamu menyukai sesuatu padahal ia amat buruk bagimu. Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”

Maka dengan itu, sebaiknya kita perlu berusaha, bertawakal, reda dan syukur dengan segala ketentuan yang telah Allah kurniakan. Inilah tanda kita mencintai Allah dan beriman kepada-Nya sebagaimana yang dilantunkan dalam surah al-Bayyinah: 7 bermaksud “Sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk”.

Ini bererti bahawa qada dan qadar itu adalah ketentuan yang telah Allah tetapkan dalam setiap kehidupan manusia. Seandainya apa yang diinginkan tidak menjadi kenyataan, itu adalah sebagai satu ujian, bagi meningkatkan keimanan dan kecintaan kepada Allah kerana menyedari bahawa dunia ialah ladang akhirat dan pergantungan harap hanya kepada Allah melalui usaha yang bersungguh-sungguh membebaskan diri daripada beban ujian kehidupan.

Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī,

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كُنْتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: " يَا غُلَامُ أَوْ يَا بَنِي أَوْ لَا أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهِنَّ؟ " قُلْتُ: بَلَى، قَالَ: " اِحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، اِحْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ أَمَانًا، تَعَرَّفْ إِلَى اللَّهِ فِي الرَّخَاءِ يَغْرِفْكَ فِي الشَّدَّةِ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، فَذُجِّفَ الْقَلَمُ بِمَا هُوَ كَاتِبٌ فَلَوْ أَنَّ الْخَلْقَ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَرَادُوا أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَقْضِهِ اللَّهُ لَكَ لَمْ يَقْضِهِ اللَّهُ عَلَيْهِ وَإِنْ أَرَادُوا أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَقْضِهِ اللَّهُ عَلَيْكَ لَمْ يَقْضِهِ اللَّهُ عَلَيْهِ "

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbās bahawa beliau berkata, “Pada suatu hari aku berada di belakang Rasulullah SAW (di atas unta), lalu baginda bersabda: “Wahai pemuda atau wahai anakku, tidakkah kau mahu aku ajarkan kepadamu beberapa kalimat yang dengannya Allah memberi manfaat kepadamu?” Maka aku berkata, “Sudah pasti”. Baginda bersabda, “Jagalah (hak) Allah, nescaya Dia akan menjagamu. Jagalah Allah nescaya engkau akan mendapati-Nya ada di hadapanmu. Ingatlah Dia dalam senangmu, Dia akan mengingatimu ketika susah. Apabila engkau meminta sesuatu, mintalah kepada Allah. Jika engkau memohon pertolongan, mohonlah kepada Allah. Pena pun telah kering sebagaimana ia. Sekiranya seluruh umat berkumpul untuk memberikan kemanfaatan kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikan manfaat kepadamu. Dan sekiranya mereka bersatu menimpakan mudarat kepadamu, maka mereka tidak akan mampu memberikan mudarat kepadamu, kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan atasmu.

(Hadith Ṣahih riwayat Aḥmad bin Ḥanbal dalam *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* [Kitāb Musnad Ahli al-Bayt Riḍwān Allāh ‘Alayhim Ajma’in, Bāb Musnad ‘Abd Allāh bin al-‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭālib ‘an al-Nabiy Ṣollā Allāh ‘alayhi wa Sallam, no. hadith 2803], ed. Shu’ib al-Arna’uṭ et al., (Muassasah al-Risālah, 2010)).

Menurut Muḥammad Suwayd, hadis ini memiliki kekuatan dalam menyelesaikan masalah anak-anak dengan memberi kesan yang besar dan unsur kerohaniannya berupaya memajukan anak dengan memohon pertolongan kepada Allah, sentiasa merasai diperhatikan oleh-Nya dan beriman dengan Qada dan Qadar. Anak-anak para sahabat amat berpegang dengan apa yang didengari daripada Nabi SAW, mereka memohon pertolongan kepada Allah SWT dan meminta bantuan apabila ditimpa musibah dan berpegang dengan kalimah ‘Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah’.setiap ujian ada jalan keluar dan setiap kesusahan disertai dengan kemudahan.

Terpasak dalam jiwa anak-anak bahawa setiap ujian pasti terbentang penyelesaian dan setiap kesusahan sentiasa diiringi kemudahan. Semua ini tercapai hanya melalui dinamika akidah dalam jiwa anak-anak yang membentuk spiritual mereka dan terus gagah menongkah taufan mendatang kerana iman yang terpasak kukuh dalam jiwa dan minda semenjak anak-anak lagi. Aspek ini yang dititikberatkan oleh pengarang karya *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah Li al-Ṭifli* ini.

4.3 Asas Ketiga: Menanamkan Kecintaan terhadap Nabi SAW dan Ahli Bait yang Suci serta Para Sahabat yang Mulia.

Seiringan dengan kalimah syahadah; Muḥammad Suwayd turut menekankan kepentingan mencintai Nabi SAW sebagai pesuruh Allah dan personaliti yang hebat. Beliau menegaskan bahawa secara psikologi metode teladan merupakan pendekatan utama dalam pendidikan jiwa anak-anak kerana kecenderungan individu dari kecil lagi memiliki rasa ingin meniru dan mencontohi perlakuan dan personaliti individu yang lebih dewasa sama ada ibu bapa, individu sekeliling, guru dan insan lain yang dilihat hebat. Oleh itu, amat penting individu di persekitaran anak-anak mempunyai akhlak mulia yang boleh dicontohi sepertimana akhlak mulia Rasul SAW yang memiliki sifat sabar, kasih sayang, adil dan seumpamanya.

Oleh itu, ibu bapa berperanan memperkenalkan Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah* terbaik kepada anak-anak. Ini kerana akhlak yang baik mengangkat status manusia kepada darjat yang tinggi dan mulia. Sebaliknya, perlakuan yang buruk hanya membinasakan seseorang insan dan masyarakat sekeliling. Keruntuhan akhlak mengakibatkan keruntuhan sosial.

Sehubungan itu, Muḥammad Suwayd menegaskan pentingnya meletakkan Rasulullah SAW sebagai *uswab*. Rasulullah SAW adalah tauladan yang terbaik bagi Muslim. Peribadi Rasulullah SAW merupakan ikutan dan teladan para sahabat dan umatnya dalam segala aspek kehidupan. Firman Allah dalam surah al-Aḥzab (33): 21 yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap keredaan Allah dan balasan baik pada hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah atau senang”.

Rasulullah SAW merupakan sebaik-baik ikutan atau *role model* dalam kehidupan khususnya kepada para ibu bapa yang wajar menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan dalam aspek

tingkah laku, komunikasi, kepemimpinan, pengurusan dan sebagainya yang berupaya membentuk akhlak anak-anak.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bukhārī dan Muslim,

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ السَّاعَةِ، فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ قَالَ: وَمَاذَا أَعَدَدْتَ لَهَا؟ قَالَ: لَا شَيْءَ، إِلَّا أَبِي أُحِبُّ اللَّهُ وَرَسُولَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أُحِبِّبْتَ. قَالَ أَنَسٌ: فَمَا فَرَحْنَا بِشَيْءٍ فَرَحْنَا بِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أُحِبِّبْتَ.

قَالَ أَنَسٌ: فَأَنَا أُحِبُّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ، وَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ مَعَهُمْ بِحُبِّي إِيَّاهُمْ، وَإِنْ لَمْ أَعْمَلْ بِمِثْلِ أَعْمَالِهِمْ

Maksudnya: Daripada Anas RA berkata, seorang pemuda telah bertanya kepada Rasulullah SAW bila berlakunya Hari Kiamat? Maka berkata Rasulullah SAW apa persediaanmu untuknya? Maka beliau berkata, tidak ada apa kecuali aku sangat mencintai Allah dan rasul-Nya. Maka Baginda berkata, engkau bersama dengan siapa yang paling kau cintai. Anas berkata, “Aku mencintai Nabi SAW dan Abu Bakar dan Umar dan aku berharap akan bersama mereka dengan sebab kecintaanku kepada mereka, walaupun tidak mampu beramal seperti amalan mereka”.

(Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. [Kitāb Faḍā’il al-Ṣaḥābah, Bāb Manāqīb Umar al-Khaṭṭāb, no hadis: 3688], (Mesir: al-Sulṭānīyah, 2012)).

Hadis ini jelas memaparkan kecintaan seorang pemuda terhadap baginda SAW dan para sahabat sehingga perasaan cinta itu menjadi bekalan dan persediaan untuk menghadapi Hari Kiamat. Maka Rasulullah SAW memberi khabar gembira terhadap pertemuan bersama yang dikasihi di akhirat kelak. Sebagaimana Anas yang masih kecil dilatih untuk memiliki kecintaan ini, perasaan kecintaan seperti inilah yang sewajarnya disemai oleh ibu bapa dalam hati sanubari anak agar akidah yang suci dan murni bercambah dengan siraman kecintaan terhadap Rasulullah SAW dan para sahabat RA sejak kecil mereka.

Menurut Muḥammad Suwayd, terdapat beberapa cara para sahabat mengukuhkan kecintaan kepada Nabi SAW iaitu dengan bersegera apabila menjawab panggilan dan melaksanakan perintah baginda SAW, memerangi orang yang menyakiti baginda, mencintai apa yang disukai baginda, memelihara hadis nabawi serta mempelajari sirah nabawiyah.

Sebagai contoh, sebuah hadis yang direkodkan oleh al-Bukhari menyebutkan,

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْخَلَاءَ، فَوَضَعَتْ لَهُ وَضُوءًا قَالَ: مَنْ وَضَعَ هَذَا؟ فَأَخْبَرَ. فَقَالَ: اللَّهُمَّ فَتَقَّهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas RA Sesungguhnya Nabi SAW telah memasuki tandas. Berkata Ibn Abbas: Maka aku letakkan air untuk baginda berwuduk. Maka baginda bertanya, “Siapakah yang meletakkan air ini?” Maka diberitahu kepada baginda. Maka baginda s.a.w berkata, “Ya Allah, Kau berikanlah kefahaman dalam urusan agama kepadanya”.

(Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. [Kitāb al-Wuḍū’, Bāb Waḍā’a al-mā’ ‘inda al-khalak, no. hadis: 143], (Mesir: al-Sulṭānīyah, 2012)).

Apabila kecintaan kepada Rasulullah SAW memenuhi pemikiran dan tumpuan seorang anak, maka terbentuklah akidah yang jitu sebagaimana Ibn ‘Abbās yang tetap setia berkhidmat untuk baginda SAW hasil daripada rasa cinta yang mendalam terhadap sosok tubuh dan keperibadian baginda SAW. Demikianlah secebis kisah yang sewajarnya dicontohi oleh para ibu bapa untuk mengukuhkan akidah anak iaitu dengan menumbuhkan rasa cinta terhadap Rasulullah SAW dan

para sahabat RA. Perkara ini cukup signifikan dalam merealisasikan sebuah keluarga yang menjadikan elemen akidah sebagai nukleus kehidupan.

4.4 Asas Keempat: Mengajarkan al-Quran kepada Anak.

Al-Quran merupakan sumber pengetahuan dan petunjuk utama yang memberi manfaat penting dalam mengemudikan hidup. Membaca dan memahami isi kandungan al-Quran mencetuskan ketenangan jiwa, penyucian dan pemurnian hati dan sekali gus menambahkan dan mengukuhkan kebijaksanaan dan keimanan.

Sehubungan itu, Muḥammad Suwayd menekankan peri pentingnya mendidik anak-anak dengan kalam al-Quran yang mencambahkan lagi keyakinan anak-anak kepada Allah melalui *tadabbur* penciptaan Allah dan keagungan-Nya sepertimana yang termuat dalam lantunan ayat suci al-Quran.

Perihal ini disokong oleh al-Suyuṭī yang menjelaskan bahawa mengajarkan al-Quran kepada anak-anak kecil ialah asas Islam; maka mereka akan membesar atas fitrah dan cahaya hikmah yang terlebih dahulu memasuki ruang hati mereka sebelum dikuasai hawa nafsu dan dinodai dengan keladak kemaksiatan dan kesesatan (Abdullah, 2019)

Lipatan *sirah* turut menonjolkan kegigihan para sahabat yang sentiasa memastikan ikatan anak-anak mereka dengan al-Quran dengan tujuan memperkasakan keimanan mereka kepada Allah dan Rasulullah SAW di samping meraih keberkatan al-Quran. Justeru, majlis *tadabbur* dan khatam al-Quran merupakan antara pendekatan terbaik melazimkan anak-anak dengan alunan ayat suci al-Quran dan sekali gus mempererat hubungan kekeluargaan yang menatijahkan *sakinah* dan *mawaddah*. Ikatan kasih sayang ini membuahkan keluarga yang sentiasa mendapat *barakah* Allah dan mewujudkan masyarakat yang penuh dengan *mahabbah*.

Pembudayaan majlis ilmu seumpama itu turut berupaya menanamkan kecintaan anak-anak kepada al-Quran sepertimana yang ditekankan dalam karya Muḥammad Suwayd bahawa al-Quran terbukti memberikan impak dan kesan mendalam terhadap pembentukan jiwa dan minda anak-anak yang menatijahkan kesucian dan ketenangan jiwa seterusnya memperkasakan keimanan anak-anak.

Pendedahan sedari awal mengenai ayat-ayat *Makkiyyah* yang merangkumi elemen akidah amat bersesuaian dengan usia anak-anak kecil. Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi' menjelaskan bahawa pendedahan awal sedemikian turut mendorong anak-anak mudah menghafaz surah yang pendek seumpama itu dan secara tidak langsung mengukuhkan keyakinan anak-anak kepada ajaran Islam kerana ayat-ayat tersebut mengandungi hikmah *ilabiyah*. Misalnya, Surah al-Ikhlās mengandungi elemen akidah secara teori manakala Surah al-Kafirun terkandung elemen akidah secara praktikal.

Perihal tersebut telah tercatat dalam sejarah yang melahirkan tokoh ilmuwan Muslim yang hebat dalam penguasaan al-Quran dan menyerlahkan dinamika jati diri Muslim yang cemerlang merangkumi keintelektualan yang tinggi, akhlak yang mulia, spiritual yang kukuh dan antara contohnya ialah al-Shāfi'e yang telah menghafal dan memahami isi kandungan al-Quran pada usia tujuh tahun, Sahl bin 'Abd. Allāh al-Tusturi menghafal dan memahami isi al-Quran pada usianya enam atau tujuh tahun dan Ibn Sīnā yang telah menghafal dan memahami isi al-Quran pada usianya sepuluh tahun. Kehebatan mereka ini boleh dijadikan teladan dalam pendidikan anak-anak berteraskan elemen akidah sebagai teras dinamika jati diri keluarga Muslim.

4.5 Asas Kelima: Menanamkan Akidah yang Kuat dan Bersedia Berkorban Demi Akidah.

Muhammad Suwayd menegaskan bahawa pemerkasaan akidah *Islamiyyah* dalam jiwa anak-anak merupakan nadi utama kehidupan dan menyerlahkan dinamika jati diri Muslim, Mukmin dan Muhsin. Akidah yang tertanam menjadi acuan dan pegangan kukuh dalam mengharungi kehidupan selanjutnya. Akidah itu juga merupakan piawaian segala perlakuan dan tindakan anak-anak kelak dan menatijahkan kesanggupan untuk berkorban demi membelanya.

Akidah yang terpasak kukuh dalam jiwa anak-anak, membantu mereka mengembangkan kemandirian dan keyakinan diri, serta memudahkan mereka menjalani proses menuju manusiawi yang lebih berakhlak mulia dan berkeperibadian hebat.

Dalam erti kata lain, setiap insan yang memiliki iman yang tulus dan terpasak jitu dalam jiwanya sentiasa melihat sesuatu perkara dari kaca mata *al-din* dan menolak tegas sesuatu perkara yang bertentangan dengan prinsip keimanannya (Sa'id Hawwā, 1989)

Dunia pada waktu kini bersulamkan keanekaan fahaman ideologi yang mampu memesongkan setiap individu daripada anutan keyakinannya. Pengukuhan akidah Islam amat penting menyediakan anak-anak yang hebat jati dirinya sehingga sanggup berkorban mempertahankan agama Allah dan mampu mengharungi cabaran kehidupan.

Kita melihat semangat dan pengorbanan anak muda yang ditonjolkan dalam lipatan sirah yang menyaksikan penyertaan anak muda dalam peperangan dalam meraih reda Allah dan syahid di jalan-Nya. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «يَعْرِضُ غُلَامَانَ الْأَنْصَارِ، فِي كُلِّ عَامٍ فَيُلْحِقُ مَنْ أَدْرَكَ مِنْهُمْ» قَالَ: فَعَرَضْتُ غُلَامًا، فَأَلْحَقَ غُلَامًا، وَرَدَّنِي فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَقَدْ أَلْحَقْتَهُ وَرَدَّنْتَنِي وَلَوْ صَارَ عَنْهُ لَصَرَ عَنْهُ. قَالَ: «فَصَارَ عَنْهُ فَصَرَ عَنْهُ فَأَلْحَقْتَنِي»

Maksudnya: Daripada Samurah bin Jundub RA berkata, Rasulullah SAW telah memilih anak-anak Ansar pada setiap tahun untuk dijadikan tentera. Beliau berkata, “Aku telah menyertainya namun baginda memilih seorang pemuda dan menolak-ku. Maka aku berkata, “Wahai Rasulullah, engkau memilihnya dan menolak-ku sedangkan apabila kami berlawan pasti aku mengalahkannya”. Maka kami berlawan dan aku mengalahkannya. Maka baginda memilih-ku”

(Hadis Ṣāḥīḥ riwayat al-Ḥākim, Abū ‘Abd. Allāh al-Ḥākim Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥamduwiyah bin Nu‘aim bin al-Ḥākim al-Ḍabi al-Tuhmānī dalam Al-Mustadrak ‘ala al-Ṣāḥīḥayn, [Kitāb al-Buyu’, Bāb Amma hadīth Ma‘mar bin Rāshid, no. hadith: 2356], ed. Muṣṭafā ‘Abd. Al-Qādir ‘Aṭā, (Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 2010))

Semangat dan pengorbanan sedemikian merupakan antara natijah dinamika jati diri anak-anak yang telah dididik dengan teras akidah yang jitu. Ia turut membentengi anak-anak muda daripada terjerumus ke kancah ideologi yang memesongkan jati diri Muslim.

5.0 PENUTUP

Tuntasnya, Islam mengangkat nilai seorang manusia yang dianugerahkan akal yang sempurna untuk membimbing diri dan ahli keluarganya ke arah melestarikan hakikat seorang hamba Allah dan khalifah di muka bumi ini. Pendidikan anak-anak sedari kecil wajar diterasi elemen akidah yang sahih dan murni yang berupaya melahirkan dinamika jati diri Muslim hebat dan cemerlang. Cerminkan keterampilan hebat ini berlanjutan dalam pembentukan jiwa anak-anak apabila mereka berkeluarga kelak. Keluarga bahagia melahirkan insan mulia dan negara yang hebat

diwarnai elemen positif. Piawaian akidah sebagai nadi pembentukan jiwa anak-anak dan keluarga bahagia ini dirincikan dalam *kitab Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah li al-Tifl* yang menegaskan lima (5) elemen utama bernuansakan teras akidah Islam dalam pembentukan dinamika jati diri keluarga Muslim yang wajar diterapkan oleh para ibu bapa dalam memperkukuhkan keimanan dalam jiwa dan minda anak-anak dari usia kecil. Tanpa akidah yang teguh, anak-anak tidak dapat mencapai kesempurnaan peribadi dan jati diri yang unggul terutamanya dalam mendepani gelombang arus kemodenan yang semakin mencabar kini.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia dalam menyempurnakan artikel ini.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Siraj al-Din al-Husaini. (2019). *Tilawah al-Quran al-Majid*. Dar al-Minhaj al-Qawim.

Abu ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Abu Bakr bin Ayyūb bin Qayyim al-Jawziyyah. (2010). *Tuḥfab al-Mawḍū‘ bi Ahkām al-Mawḷūd*. Ed. ‘Uthmān bin Jum‘ah Ḍamiriyyah, Jeddah: Dār ‘Ālām al-Fawāid

Abu Abdullah Al-Hakim Muḥammad bin Abdullah bin Muḥammad bin Hamduwiyah bin Nu‘aim bin Al-Hakim al-Dhabi al-Tuhmani. (1990). *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahibain*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Muḥammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah Abu Abdullah. (1997) *Adab al-Mufrad*. Dar al-Sadiq li al-Nashr wa al-Tawzi‘. Cet. Keempat.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah Abu Abdullah. (2011). *Al-Jāmi‘ al-Ṣābiḥ (Al-Sulḥaniyah)*. Jld 9. Al-Matba‘ah al-Kubra al-Amiriyyah, Mesir.

Guntur, A. (2018). (*Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashib ‘Uhwan dan Jamal Abdurrahman*) Oleh : Ahmad Guntur (*Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashib ‘Uhwan dan Jamal Abdurrahman*) NPM : 1411010011.

Hidayah, R. R. (2021). Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyah Lith Thifl Karya Muḥammad Nur Abdul Hafizh Suwayd. *Paper Knowledge . Toward a Media History of Documents*, 12–26.

Ahmad bin al-Hussin bin Ali bin Musa al-Khusrawjirdi al-Khurasani. Abu Bakar al-Baihaqi. (2003). *Syu‘ab al-Iman*. Maktabah al-Rush li al-Nashr wa al-Tauzi‘ bi al-Riyadh bi al-Taawun.

Al-Qaradawi, Yusuf. (1987). *al-Iman wa al-Hayab*. cet. 13, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Muḥammad Nur Hafiz Suwayd. (2006). *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyah Li Al-Tifl*. Maktabah Dar Ibnu Kathir di Damsyik, Beirut.

Sa'id Hawwa, al-Asas fi al-Sunnah wa Fiqhuha: al-'Aqa'id al-Islamiyyah. (1989). Jil. 1, (Kaherah: Dar al-Salam).

Setiawati, N. (2018). *Pendidikan Anak Dalam Keluarga (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashib ‘Uhwan dan Ibnu Qayim Al-Jauziyyah)*. 1–135.

Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, (1998). *Islam Akidah dan Kerohanian*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hidayah, R. R. (2021). Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyah Lith Thifl Karya Muḥammad Nur Abdul Hafizh Suwayd. *Paper Knowledge . Toward a Media History of Documents*, 12–26.